☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad

Tarikh: 14/5/2012
Hari: Isnin M/S: 46
Ruangan: ARENA

Jaringan Hafiz julang Perak

>>Oleh Azlran Hashim
[illegible]

PENYERANG Hafiz Hashim yang lebih dikenali sebagai 'Kancil' di kalangan rakan sepasukan dan pegawai membantu Perak muncul juara sulung Piala Belia Bawah 19 tahun kebangsaan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, semalam.

Jaringan tunggal Hafiz pada babak pertama itu mencukupi buat Perak mengatasi Perlis 1-0 dalam final kejohanan yang diadakan semula selepas beberapa tahun.

Keputusan itu melerai kebuntuan pertemuan antara kedua-dua pasukan yang seri 3-3 di peringkat kumpulan sebelum itu.

Presiden Persatuan Bola Sepak Perak (Pafa), Datuk Zainal Fadzi Paharuddin kerana dahulunya berbangga dengan kejayaan itu sambil menjanjikan sumbangan kepada anak buah pengurus pasukan, Zainal Rashid sekembali ke Ipoh petang ini.